

## **Dasar penetapan harga petrol, diesel tidak berubah - KPDNHEP**

Astro Awani, Kenyataan Media | Diterbitkan pada Jun 10, 2020 19:30 +08 | Durasi: 1 minit, 48 saat



Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, penetapannya masih melalui Mekanisme Harga Automatik (APM) yang dipengaruhi harga minyak yang diproses selari dengan harga minyak mentah dunia. - Gambar BERNAMA

**PUTRAJAYA:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menegaskan tiada perubahan dari segi dasar penetapan harga jualan runcit petrol dan diesel di Malaysia.

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, penetapannya masih melalui Mekanisme Harga Automatik (APM) yang dipengaruhi harga minyak yang diproses selari dengan harga minyak mentah dunia.

Menurutnya, sejak 30 Mac 2017, harga ditetapkan secara mingguan dan dikuatkuasakan melalui warta di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Runcit Maksimum bagi Petrol dan Diesel) di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Tujuan pewartaan adalah untuk menguatkuasakan kawalan harga jualan runcit petrol dan diesel oleh syarikat minyak dan pengusaha stesen minyak agar tidak melebihi harga yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan."

"Begitupun, mulai 29 Februari 2020, KPDNHEP telah menukar mekanisme penguatkuasaan kawalan harga jualan runcit petrol dan diesel melalui Surat Arahan Pengawal Bekalan di bawah Peraturan 12A Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Perubahan mekanisme itu bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dan pemantauan di peringkat KPDNHEP sekiranya terdapat sebarang pelanggaran arahan di bawah akta yang berkuat kuasa," katanya dalam satu kenyataan media pada Rabu.

Tambah beliau, kementerian memandang serius laporan media mendakwa warta di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Runcit Maksimum bagi Petrol dan Diesel) di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 telah dibatalkan.

Dalam pada itu, KPDNHEP komited memastikan pematuhan semua syarikat minyak dan pengusaha stesen minyak terhadap harga yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

"Mengambil kira trend semasa harga minyak mentah dunia, Kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan kebijakan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara," ujarnya.

## KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAH PENGGUNA  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya  
No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

### TIADA PERUBAHAN DARI SEGI DASAR PENETAPAN HARGA JUALAN RUNCIT PETROL DAN DIESEL

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memandang serius laporan media berhubung pembatalan warta di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Runcit Maksimum bagi Petrol dan Diesel) di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

KPDNHEP ingin menegaskan bahawa TIADA PERUBAHAN dari segi dasar penetapan harga jualan runcit petrol dan diesel, seperti yang dilaporkan

Penetapan harga runcit petrol dan diesel adalah melalui 'Automatic Pricing Mechanism' (APM) yang dipengaruhi oleh harga minyak yang diproses (refined products) selain dengan harga minyak mentah dunia.

Sekjak 30 Mac 2017, harga jualan runcit petrol dan diesel ditetapkan secara mingguan dan dikuatkuasakan oleh KPDNHEP melalui warta di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Runcit Maksimum bagi Petrol dan Diesel) di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Tujuan poweraan adalah untuk menguatkuasakan kawalan harga jualan runcit petrol dan diesel oleh syarikat minyak dan pengusaha stesen minyak agar tidak melebihi harga yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

Walaubagaimanapun, mulai 29 Februari 2020, KPDNHEP telah menukar mekanisme penguatkuasaan kawalan harga jualan runcit petrol dan diesel melalui Surat Arahan Pengawal Bekalan di bawah Peraturan 12A Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Perubahan mekanisme ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dan pemantauan di peringkat KPDNHEP sekiranya terdapat sebarang pelanggaran arahan di bawah akta yang berkuat kuasa.

Dalam menjamin kepentingan pengguna, KPDNHEP komited memastikan pematuhan semua syarikat minyak dan pengusaha stesen minyak terhadap harga yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

Mengambil kira trend semasa harga minyak mentah dunia, Kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan kebijakan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

#####

Datuk Alexander Nanta Linggi  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna  
Putrajaya, 10 Jun 2020

#####


### LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Maitamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya rampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng ketstabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakstabilan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk menggunakan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkapi dan ke arah self-regulated, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusanlaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP :



Sebelum ini, sebuah portal melaporkan Warta Kerajaan Persekutuan terbaru berhubung penetapan harga petrol dan diesel tidak lagi menyebut tentang harga siling atau harga runcit maksimum untuk petrol dan diesel.

Menurut laporan itu lagi, warta bertarikh 3 Jun itu sekadar memaklumkan pembatalan harga siling itu adalah berdasarkan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 4, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723), Pengawal, dengan kelulusan menteri.

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/dasar-penetapan-harga-petrol-diesel-tidak-berubah-kpdnhep-246571>

